



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PENTAKSIRAN ALTERNATIF SEKOLAH MENENGAH
TAHUN 2022**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan Pentaksiran Alternatif Sekolah Menengah (PASM) tahun 2022 bagi murid berkeperluan pendidikan khas (MBPK) akan dikeluarkan pada **21 Mac 2023**.

Seramai 3,667 MBPK dari 730 buah sekolah di seluruh negara telah menamatkan persekolahan bagi sesi akademik 2022/2023 dan layak dianugerahi Sijil Alternatif Sekolah Menengah (SASM). SASM tahun 2022 boleh diperolehi dari sekolah masing-masing pada **21 Mac 2023 mulai pukul 10.00 pagi**.

KPM sentiasa komited untuk terus memastikan ekuiti dan kesamarataan pendidikan terjamin seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
14 MAC 2023**